

Sektor pendidikan, kesihatan perlu peruntukan lebih besar

Bajet 2022 mula hangat dibincangkan dengan rakyat diberi peluang untuk mengemukakan cadangan melalui laman sesawang Kementerian Kewangan sehingga 15 September lalu.

Sektor kesihatan dan pendidikan dijangka mendapat peruntukan luar biasa dalam bajet yang dijadual dibentangkan hari ini.

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan, Bajet 2022 akan memberi tumpuan kepada usaha melindungi dan memulih kehidupan rakyat, membina daya ketahanan negara dan memacu pertumbuhan, keterangkuman dan kelestarian ekonomi, berteraskan kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Realitinya, kedua-dua sektor ini sangat penting bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat untuk kesan jangka masa panjang, terutama ketika pasca pandemik COVID-19.

Merujuk jumlah peruntukan sebenar untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi sektor kesihatan serta pendidikan antara 2010 hingga 2018 serta peruntukan anggaran bagi 2020 dan 2021, kedua-dua sektor ini sentiasa mendapat peratus peruntukan yang agak konsisten.

Namun, peruntukan lebih besar seharusnya disediakan melalui Bajet 2022 kepada kedua-dua sektor ini, mengambil kira cabaran semasa dan akan datang.

Fasa endemik menuntut komitmen tinggi kerajaan. Selain peruntukan khusus dalam meneruskan program vaksinasi rakyat, terutama kini untuk golongan berusia bawah 18 tahun, kerajaan juga perlu memberi peruntukan dalam mencari kaedah terbaik untuk memastikan negara dapat menghasilkan vaksin COVID-19.

Suntikan dos penggalak mungkin perlu selepas data mengenai keberkesanan dua dos vaksin diperolehi. Kajian lanjut untuk menghasilkan vaksin keluaran Malaysia juga patut terus dipergiatkan.

Pegawai kesihatan juga akan terus melaksanakan tugas dalam norma baharu dengan peralatan tambahan seperti kelengkapan perlindungan diri (PPE), pelitup muka serta ubat-ubatan perlu terus disediakan.

Kos rawatan kesihatan mental yang kian meningkat juga perlu diberikan pertimbangan sewajarnya. Malah, latihan tambahan kepada pakar perubatan wajar diberi peruntukan khusus supaya kedudukan mereka terus kompeten.

Semua ini penting bagi memastikan kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam mendepani pelbagai cabaran akan datang.

Dalam konteks pendidikan pula, meskipun sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) mula dibuka secara berperingkat, bukan 100 peratus pelajar boleh berada di gedung ilmu berkenaan. Ia sekali gus menuntut kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian diteruskan.

Bagi memastikan proses PdP tidak terjejas, sudah semestinya dua kementerian berkaitan iaitu Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memerlukan peruntukan besar bagi membantu meringankan beban murid yang terkesan.

Seperti diketahui, antara isu penting ialah murid daripada golongan B40 yang memerlukan bekalan peranti bagi memastikan sesi PdP dalam talian tidak terjejas. Jelas sekali, langkah ini memerlukan peruntukan besar untuk dilaksanakan.

Isu akses terhadap internet juga akan terus menjadi masalah utama bagi murid yang berada di kawasan luar bandar. Tanpa perhatian sewajarnya, ia memberi kesan jangka panjang kepada proses pembentukan insan dan negara. Mereka yang ketinggalan, pasti terus tertinggal.

Jika tidak segera dikenal pasti, dibimbangi masa hadapan mereka tidak akan secerah teman sebaya yang berada di bandar besar. Dikhuatiri juga jika keadaan ini terus dibiarkan, mereka ini nanti akan menyumbang kepada masalah sosial pada masa hadapan.

Keterangkuman yang diletakkan sebagai asas Bajet 2022 seharusnya meliputi usaha mengenal pasti dan membantu golongan ini.

Tumpuan bantuan harus juga diberikan kepada semua pendidik, guru dan pensyarah kerana mereka adalah golongan yang sentiasa berkorban untuk memastikan proses pemindahan ilmu tidak terjejas dan sampai kepada semua yang memerlukan.

Jika sebelum ini, kelompok ilmuwan berkenaan tidak berkira dalam menyediakan segala keperluan PdP, namun dalam situasi semasa, segala kos ditanggung mereka juga perlu diberi perhatian dan bantuan.

Dalam usaha merancakkan ekonomi digital demi mengukuhkan daya saing negara ketika menghadapi norma baharu, kerajaan juga harus melihat bagaimana kumpulan ini boleh membantu sektor kesihatan dan pendidikan.

Pandemik COVID-19 secara tidak langsung turut menggalakkan aktiviti perniagaan dalam talian. Seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), pendapatan daripada e-dagang pada suku pertama 2021 menunjukkan peningkatan 130 peratus berbanding suku pertama 2020.

Penggunaan teknologi yang semakin signifikan dari pelbagai sudut seharusnya menjadi alasan kukuh untuk kerajaan bekerjasama dengan mereka bagi memberi bantuan secara langsung atau tidak kepada sektor berkaitan.

Ia bukan saja dapat terus merangsang aktiviti ekonomi negara, malah membantu pembentukan generasi masa hadapan yang berilmu pengetahuan dan sihat fizikal serta mental.

Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) juga bakal menjelang. Agenda kesihatan dan pendidikan wajar diberi perhatian utama.

Kerjasama kerajaan dengan penggiat industri dalam sektor e-dagang patut diperhebat supaya rakyat sedar kerajaan berusaha memberikan yang terbaik dalam memastikan kelestarian kebajikan, kesejahteraan dan keharmonian rakyat melangkaui 2030.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/10/881286/sektor-pendidikan-kesihatan-perlu-peruntukan-lebih-besar>